

## **BAB ENAM**

### **KESIMPULAN**

Kesultanan Sulu merupakan satu-satunya kesultanan di rantau ini yang berteraskan kepada sumber marin sebagai asas kekuahan ekonomi kesultannya. Dengan menguasai sumber marin tersebut Kesultanan Sulu berjaya mencapai kegemilangannya. Kesultanan tersebut mempunyai corak pemerintahannya yang tersendiri. Sultan yang menjadi pemerintah tertinggi bersemayam di pusat pemerintahan di Jolo, dan di setiap sebuah pulau dan muara-muara sungai dalam jajahan Kesultanan Sulu di tadbir oleh datu-datu yang merangkap sebagai wakil sultan. Sistem pemerintahan tersebut melindungi keselamatan penduduk tempatan dan sebagai balasan mereka dikehendaki berkhidmat dan membayar ufti kepada pemerintah.

Kesultanan Sulu berlandaskan sistem perhambaan. Tenaga hamba digunakan untuk menggerakkan jentera kerajaan dan menjadi sumber tenaga kepada golongan pemerintah untuk mencapai keuntungan. Oleh yang demikian, bilangan hamba menjadi ukuran kekuatan sesaorang pemerintah atau wakilnya. Untuk menambah bilangan hamba serangan ke kawasan luar takluk dilakukan. Dengan berbuat demikian kawasan jajahan bertambah luas. Selain daripada penyerangan dan perburuan, bilangan hamba juga ditambah dengan cara mengahwini anak pemimpin setempat. Melalui perkahwinan dengan sendirinya penduduk setempat menjadi pengikut atau hamba kepada wakil sultan.

Golongan aristokrat menggunakan tenaga hamba untuk menjalankan aktiviti ekonomi mereka, terutamanya dalam kerja-kerja pendaratan dan perdagangan sumber laut. Oleh kerana tahap teknologi perikanan semasa secara relatifnya adalah rendah, maka bilangan tenaga hamba menjadi faktor penentu kepada jumlah pendaratan sumber laut. Di sini adalah jelas salah satu sebab yang menjalinkan hubungan rapat di antara hamba dengan golongan aristokrat adalah kerana tahap teknologi perikanan yang rendah pada masa itu.

Dalam aktiviti memungut tripang dan mutiara, hamba dan penduduk tepi pantai mengusahakannya tanpa menggunakan sebarang perkakas perikanan. Sementara itu sumber laut yang lain didaratkan dengan menggunakan perkakas perikanan yang mudah seperti lembing, serampang, bubu, pancing, rambat, selembau dan kelong.

Dalam hal pengeluaran sumber laut, teknologi perikanan yang digunakan pada abad ke 18 dan ke 19 di Kepulauan Sulu, secara relatifnya adalah ditahap yang paling rendah. Pengeluaran hasil laut pada masa itu berasaskan kepada tenaga manusia. Tenaga manusia yang ramai diperlukan bagi meningkatkan sumber laut bagi memenuhi permintaan pasaran antarabangsa dan tempatan. Ini bermakna dengan berlakunya peningkatan dalam permintaan pasaran, akan mendorong berlakunya pertambahan dalam bilangan manusia yang akan mengerjakan aktiviti perikanan dengan teknologi yang rendah.

Dalam hal teknologi perikanan, nelayan-nelayan masih memiliki perahu dan peralatan menangkap ikan mereka sendiri, kecuali bagi

perkakas selembau dan kelong yang dimiliki oleh golongan aristokrat. Perahu dan perkakas menangkap ikan yang dimiliki dan dikendali oleh nelayan tempatan dibuat daripada bahan-bahan yang didapati daripada kawasan persekitaran tempat tinggal nelayan sama ada di daratan atau pun bahan-bahan yang didapati dari laut. Buloh, rotan, nibung, bertam, kayu dan akar-akar pokok kayu adalah di antara bahan yang banyak digunakan dalam pembuatan peralatan perikanan. Selain daripada itu bahan-bahan dari laut seperti tulang ikan, kulit tiram, kulit penyu dan siput-siputan turut juga digunakan untuk menghasilkan peralatan menangkap ikan. Dengan yang demikian tidak melibatkan sebarang bentuk modal.

Secara umumnya usaha perikanan yang mereka jalankan bertujuan sara diri. Maka hasil yang diperolehi hanyalah dalam jumlah yang sedikit sahaja. Jika pun berpeluang untuk mendapatkan hasil yang banyak, ia biasanya tidak dilakukan. Penduduk hanya mengambil sekadar yang diperlukan sahaja. Ini dapat dilihat dalam usaha mereka memungut siput-siput di pantai yang terdapat dengan banyaknya.

Hanya sebahagian kecil sahaja daripada hasil tangkapan, iaitu yang mempunyai permintaan di pasaran antarabangsa, seperti sirip jerung, mutiara, tripang diserahkan kepada golongan aristokrat dalam bentuk pembayaran ufti. Golongan aristokrat pula, bagi mendapatkan bekalan sumber ikan dalam jumlah yang banyak telah memiliki dan menguruskan perkakas manangkap ikan seperti selembau dan kelong. Perkakas selembau diperbuat daripada benang dari Benua China, sementara kelong pula pembinaannya

melibatkan tenaga manusia yang ramai. Oleh yang demikian kedua perkakas tersebut hanya boleh dimiliki oleh golongan aristokrat.

Secara umumnya, peralatan menangkap ikan yang digunakan semasa pemerintahan Kesultanan Sulu di Sandakan terbatas penggunaanya di kawasan gigi pantai, di pinggir pantai berpeairan cetek dan di muara-muara sungai. Dalam pada itu sebahagian daripada peralatan menangkap ikan digunakan juga untuk menjerat dan memburu binatang di pinggir hutan berhampiran tempat tinggal mereka. Umpamanya, leming dan serampang digunakan untuk menangkap ikan di laut dan digunakan juga untuk memburu binatang-binatang liar seperti rusa, pelanduk dan lain-lain. Sementara rambat pula yang digunakan untuk menangkap kumpulan ikan di laut, digunakan juga untuk menjerat burung-burung di daratan. Berasaskan kepada peralatan yang serbaguna ini memperlihatkan bahawa penduduk tidak mengusaha perikanan sepanjang masa, tetapi terlibat juga dengan lain-lain aktiviti terutamanya di musim tengkujuh ketika mereka tidak dapat beroperasi di laut.

Peralatan menangkap ikan pada zaman ini dibuat secara bersendirian dan ada pula secara berkumpulan. Umpamanya, peralatan perikanan yang kecil seperti pancing, leming, serampang, bubu dan rambat dibuat secara bersendirian. Sementara itu, peralatan seperti kelong dibuat secara beramai-ramai. Pengetahuan tentang teknik pembuatan dan pengendalian peralatan menangkap ikan ini diketahui oleh kebanyakan penduduk. Oleh itu, semua pihak mengetahui cara menghasilkannya. Kemahiran mengenai bidang perikanan ini diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui proses keterlibatan terus ahli-ahli keluarga.

Umpamanya anak-anak biasanya akan turut membantu bapanya dalam membuat peralatan dan operasi menangkap ikan di laut. Di masa yang lain pula membantu ibunya mengutip siput-siputan di pantai.

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa pada zaman Kesultanan Sulu, golongan aristokrat masih belum menguasai teknologi menangkap ikan sepenuhnya. Namun begitu dengan menguasai tampuk pemerintahan, golongan aristokrat telah berjaya memonopoli pengeluaran dan perdagangan sumber laut yang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran antarabangsa. Dengan menguasai pengeluaran dan perdagangan sumber laut, Kesultanan Sulu berjaya memonopoli perdagangan dengan Benua China.

British North Borneo Chartered Company pada akhir abad ke 19 telah berjaya mendapatkan Borneo Utara yang sebelumnya merupakan sebagian daripada wilayah Kesultanan Sulu dan wilayah Kesultanan Brunei. Dasar pentadbiran BNBCC amat berbeza dengan dasar pemerintahan Kesultanan Sulu. Pentadbiran BNBCC menekankan kepada pembangunan ekonomi kapitalis di tanah daratan dalam sektor-sektor ekonomi yang baru seperti perlombongan, pertanian, pembalakan dan perdagangan yang selaras dengan permintaan pasaran antarabangsa, yang memperlihatkan ciri-ciri perindustrian. Sektor perikanan yang selama ini menjadi tulang belakang kepada ekonomi Kesultanan Sulu, sekarang ini hanya menjadi sektor sampingan sahaja.

Dalam membangunkan sektor ekonomi yang baru, pihak pentadbiran BNBCC tidak terlibat secara langsung dalam usaha ekonomi

tersebut, tetapi menyediakan suasana yang boleh menggalakkan perkembangan ekonomi tersebut. Pihak pentadbiran BNBCC hanya berperanan sebagai “pengurus” koperat. Melalui peranan tersebut pihak pentadbiran memperolehi pendapatan melalui pelbagai bentuk cukai dan kemudiannya menggunakan pendapatan tersebut untuk membina infrastruktur dan membayar gaji pegawai-pegawainya.

Semasa pemerintahan Kesultanan Sulu, institusi hamba amat penting dalam mendukung ekonomi kesultanan tersebut. Hamba merupakan sumber tenaga utama dalam mendapatkan lebihan sumber laut dan hasil hutan. Lebihan tersebut tidak didagangkan oleh hamba tetapi diserahkan sepenuhnya kepada golongan aristokrat yang terlibat secara langsung dalam perdagangan sumber-sumber tersebut. Pemerintahan BNBCC menghapuskan institusi hamba. Ekonomi bebas yang diamalkan oleh pemerintah baru tidak berasaskan kepada hamba tetapi berasaskan kepada tenaga buruh, yang sebahagian besarnya didatangkan dari luar Sandakan. Buruh yang didapati tidak secara perburuan tetapi berdasarkan kepada tawaran upah atau ganjaran secara terbuka. Dalam kontek ini diperlihatkan bahawa hubungan pengeluaran telah berubah dari hubungan tuan dan hamba kepada hubungan majikan dan buruh.

Pembangunan ekonomi perlombongan, pertanian, dan pembalakan di Sandakan yang umumnya bercirikan intensif buruh telah membuka ruang yang begitu luas untuk hijrahmasuk, khususnya dari selatan Benua China dan Kepulauan Filipina dan Indonesia. Hijrahmasuk ini hampir keseluruhannya berhubung dengan ekonomi perdagangan seperti tembakau,

getah, balak dan lain-lain dan amat sedikit sekali yang terlibat dalam ekonomi makanan. Oleh yang demikian kemasukan hijrahmasuk secara beramai-ramai ini telah menambahkan permintaan untuk bekalan makanan.

Akibat daripada perkembangan baru ini, sektor perikanan telah terdorong kepada beberapa perubahan. Dilihat dari segi pasaran, sumber perikanan pada masa ini tidak lagi tertumpu kepada tripang, mutiara, kulit penyu atau sirip jerung yang diperlukan oleh golongan berada di Benua China tetapi telah bertukar kepada ikan masin dan ikan kering yang menjadi sumber protin kepada golongan buruh dan penduduk urban yang kian bertambah.

Permintaan ikan masin dan ikan kering yang sentiasa meningkat telah memperlihatkan kepada pemodal akan ruang baru untuk mencipta kekayaan dalam sektor perikanan. Pengaut keuntungan di masa ini bukan lagi golongan aristokrat Sulu, tetapi saudagar-saudagar Cina yang dahulunya menjalankan perdagangan sumber laut di antara Kepulauan Sulu dengan Benua China. Apa yang jelas pada masa ini telah berlaku perubahan dalam penguasaan perdagangan sumber perikanan dari monopolii aristokrat Sulu kepada monopolii saudagar Cina. Selain daripada itu saudagar-saudagar Cina tersebut, semasa pemerintahan Kesultanan Sulu berperanan sebagai “*merchant capital*” tetapi sekarang ini telah bertukar kepada “*productive capital*”. Sebagai “*productive capital*”, mereka telah menguruskan modal, teknologi dan buruh mereka ke arah pengeluaran kedua komoditi perikanan di atas.

Oleh kerana pentadbiran BNBCC tidak menumpukan perhatian kepada sektor perikanan dan tidak pula membendung perkembangan sektor

tersebut, maka pemodal-pemodal Cina dengan mudah dapat menguasai dan memonopoli sektor ini tanpa sebarang persaingan atau campur tangan daripada pihak pemerintah. Untuk menguasai sektor tersebut sepenuhnya pemodal-pemodal Cina telah melibatkan diri dari peringkat pemasaran hingga ke peringkat pengeluaran.

Di peringkat pemasaran, pemodal-pemodal Cina menguasai pengangkutan dan hubungan perdagangan sama ada untuk pasaran tempatan mahu pun untuk pasaran antarabangsa. Dengan memiliki tongkang-tongkang yang besar ikan kering dan ikan masin di bawa ke pasaran di pedalaman Sandakan iaitu ke kawasan perladangan tembakau, getah, kawasan perlombongan dan juga kawasan pembalakan. Dengan menggunakan tongkang besar, ikan masin dan ikan kering dari pelabuhan Sandakan dilayarkan ke Singapura dan Hong Kong. Dalam hal ini pemodal memperolehi keuntungan dari perbezaan harga yang diwujudkan, iaitu perbezaan di antara harga belian dari nelayan dengan harga jualan kepada pengguna.

Di peringkat pemerosesan, golongan pemodal Cina menguasai bekalan garam yang menjadi asas dan satu-satunya bahan yang digunakan dalam pembuatan ikan masin. Pemodal-pemodal Cina, membawa masuk garam dalam jumlah yang banyak dari Siam dan menguasai pengedarannya. Dengan menguasai bekalan garam, golongan pemodal ini berjaya mengwujud dan menguasai industri ikan masin di perkampungan-perkampungan nelayan pinggir pantai Sandakan. Belainan keadaannya di zaman Kesultanan Sulu, di mana golongan aristokrat mengerahkan hamba membuat garam dari bahan

tempatan iaitu dari daun nipah. Garam tersebut selain daripada digunakan untuk memasinkan sumber laut seperti tripang, sebahagian daripadanya dijadikan bahan tukaran untuk mendapatkan hasil hutan seperti rotan, damar, sarang burung, gutta-percha dan lain-lain.

Sementara itu, di peringkat pengeluaran, untuk menguasai kaum nelayan pemodal-pemodal Cina telah memperkenal dan mengamalkan "sistem tauke". Di bawah "sistem tauke" golongan pemodal bertindak sebagai institusi pinjaman wang, pemborong hasil tangkapan dan pembekal teknologi perikanan kepada kaum nelayan. Melalui pinjaman pendahuluan, pinjaman kecemasan, penyediaan kewangan dan material untuk pembinaan perahu dan peralatan menangkap ikan, kaum nelayan terikat kepada golongan pemodal-pemodal ini dalam kontek pembekalan dan penjualan hasil perikanan. Di tahap ini tanda-tanda awal ke arah penguasaan mean pengeluaran kaum nelayan telah mula kelihatan. "Sistem tauke" ini tidak pernah wujud dalam masyarakat nelayan di zaman sebelumnya.

Untuk mendapatkan lebihan pengeluaran, golongan pemodal Cina telah mendorong nelayan tempatan ke arah pembaharuan dan perubahan dalam teknologi menangkap ikan. Semasa pemerintahan Kesultanan Sulu teknologi perikanan yang digunakan adalah mudah dan ringkas seperti lembing, serampang, bubu, pancing, rambat dan lain-lain. Peralatan menangkap ikan dibuat sendiri oleh nelayan dengan menggunakan bahan-bahan tempatan dan secara total merupakan milik mereka. Hanya kelong sahaja yang dibuat oleh hamba dan dimiliki oleh aristokrat Sulu.

Semasa pentadbiran BNBCC sebahagian daripada perkakas tersebut telah diubahsuai dari segi rekabentuk, saiz dan bilangan bagi menghasilkan pendaratan yang lebih banyak. Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat perkakas menangkap ikan tersebut telah melibatkan bahan-bahan kilang yang diimport, yang diperolehi oleh nelayan melalui golongan pemodal sama ada secara tunai atau pun kredit.

Kelong sekarang ini merupakan perkakas yang dimiliki sepenuhnya oleh golongan pemodal Cina. Ini disebabkan pembinaan dan penguruskendalian peralatan kelong memerlukan modal besar, yang mampu diadakan oleh nelayan tempatan. Selain daripada itu kelong secara bandingan dapat menghasilkan jumlah tangkapan yang banyak, bertepatan dengan tujuan golongan pemodal. Untuk mendapatkan sumber perikanan sebanyak yang mungkin, golongan pemodal Cina dari masa ke semasa telah menambah bilangan dan membesar kan kelong mereka, di samping itu memodifikasi rekabentuk kelong yang sedia ada.

Prinsip asas kelong ialah menangkap ikan yang terdorong oleh arus. Peralatan-peralatan lain yang menggunakan asas yang sama yang terhasil daripada modifikasi kelong ialah belat, ambai, ambai berbaris, gombang dan pompong. Bahan asas untuk membina kelong, belat, ambai dan ambai berbaris sebahagian besarnya melibatkan bahan-bahan dari hutan, seperti buluh, nibung, rotan dan akar kayu. Dengan yang demikian modal yang besar diperlukan bagi mengupah buruh untuk mendapatkan bahan dan pembinaan peralatan-peralatan tersebut. Walaupun pompong dan gombang tidak begitu melibatkan bahan dari hutan, tetapi modal yang besar diperlukan

untuk membeli komponen utama peralatan itu, iaitu sebuah pukat yang besar.

Keadaan yang sedemikian menyebabkan peralatan-peralatan ini dimonopoli oleh golongan pemodal.

Selambau yang pernah digunakan semasa pemerintahan Kesultanan Sulu, pada masa pentadbiran BNBCC telah dimodifikasi supaya ia mudah alih atau pun dikenali sebagai 'selembau bergerak'. Oleh kerana inginkan lebih tangkapan untuk pasaran, nelayan cuba tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber perikanan yang ada pada satu-satu lokasi, tetapi cuba mendapatkan sumber perikanan daripada lokasi-lokasi yang berlainan. Untuk memungkinkan ini peralatan yang statik telah diubahsuai supaya ia mudah alih.

Semasa pentadbiran BNBCC beberapa jenis pukat yang tidak pernah beroperasi di perairan wilayah ini telah digunakan. Asas pembinaan pukat ialah benang yang terdiri daripada beberapa jenis dan saiz. Selain daripada itu pelampung dan pemberat menjadi komponen yang penting. Pelbagai jenis pukat digunakan oleh nelayan tempatan pada masa itu kerana benang yang menjadi asas utama dalam penyiratan pukat boleh dibeli dalam jumlah yang diperlukan di pasaran tempatan. Selain daripada itu bidang-bidang pukat yang telah siap disirat juga boleh diperolehi daripada kedai tauke-tauke Cina samada secara tunai atau pun kredit.

Prinsip asas operasi kaedah yang baru ini ialah mengepong kumpulan ikan. Dengan sendirinya pukat bukan merupakan peralatan menangkap ikan yang statik. Untuk mendapatkan lebih banyak tangkapan, dari masa ke semasa bidang pukat ditambah supaya ia menjadi satu unit pukat

yang lebih besar. Pertambahan bidang pukat boleh dilakukan oleh pemilik pukat secara bersendirian atau pun melalui gabungan beberapa orang pemilik pukat. Pukat yang terlebar pada masa ini ialah selembau duai yang rata-ratanya dimiliki oleh tauke-tauke ikan Cina, kerana kos untuk mengada dan mengendalikannya adalah tinggi.

Selain daripada selambau duai, beberapa jenis pukat yang lain telah digunakan oleh nelayan tempatan di perairan wilayah ini, yang dapat digolongkan dalam kumpulan pukat tarik. Pukat-pukat yang dimaksudkan antaranya termasuklah pukat tarik pantai, pukat kisa, pukat kengka, pukat kelililing dan pukat cekam. Pukat-pukat yang tergolong dalam kumpulan pukat tarik ini, pada asasnya mengamalkan prinsip yang sama iaitu melabuhkan pukat supaya melengkungi satu kawasan.

Bagaimanapun perlu dijelaskan bukan semua teknologi yang digunakan sebelum ini mengalami perubahan. Umpamanya, teknik mengutip tripang dan siput-siputan masih dengan tangan. Sementara itu leming, serampang dan rambat masih digunakan oleh nelayan-nelayan saradiri tanpa mengalami sebarang bentuk perubahan. Bubu tidak mengalami perubahan dari segi rekabentuk atau saiz tetapi mengalami perubahan dari segi bilangan. Untuk mendapatkan hasil tangkapan yang lebih banyak, nelayan telah menambah bilangan bubu yang digunakan dalam sesuatu operasi dari beberapa unit sebelum ini hingga mencapai kepada 80 unit.

Sebagai tindak balas kepada permintaan pasaran, beberapa perkakas telah mengalami proses pengubahsuaian. Pengubahsuaian yang paling jelas dapat dilihat berlaku pada peralatan pancing, kelong dan

selembau. Untuk menghasilkan lebihan, pancing yang digunakan sebelum ini telah ditambah bilangan mata pancingnya dan menjadi perkakas yang dikenali sebagai jaul, hambur, lundai dan rawai. Ini dapat dilakukan kerana bahan untuk membuat perkakas tersebut seperti benang, ladung dan mata kail buatan kilang boleh dibeli di pasaran tempatan dalam jumlah yang banyak.

Peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal Cina di Sandakan yang menguasai teknologi perikanan untuk mendapatkan lebihan pengeluaran amat berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh golongan aristokrat Sulu di abad ke 18 dan ke 19 yang menggunakan peningkatan sumber tenaga manusia untuk peningkatan pengeluaran sumber laut.

Perang Dunia Kedua telah melumpuhkan ekonomi dunia dan mengganggu perkembangan ekonomi kapitalis buat seketika. Di rantau Asia Tenggara amnya, kuasa Asia iaitu Jepun melalui peperangan telah mengambil alih kuasa penjajah Eropah sebelum ini. Ini bermakna Sandakan sekali lagi mengalami perubahan sistem pemerintahan dari pemerintahan bercorak piagam kepada pemerintahan bercorak ketenteraan. Corak pemerintahan Jepun yang singkat ini (1942-1945) lebih mementingkan soal keselamatan dari perkembangan ekonomi. Ekonomi kapitalis yang telah diasaskan oleh BNBCC terhapus sama sekali dan diganti dengan satu sistem ekonomi yang dirancang, dipaksa dan dikawal oleh pemerintah pusat. Dengan ini bermulanya satu pengalaman baru yang penuh dengan kisah-kisah kepahitan, penderitaan dan kesangsaraan.

Penyerangan Jepun ke atas Sandakan pada tahun 1942 dan penawanan semula Sandakan oleh Tentera Bersekutu pada tahun 1945, telah

memusnahkan asas dan sumber ekonomi Sandakan, khususnya sektor perikanan. Semasa pemerintahan Jepun, keadaan bertambah buruk kerana perdagangan antarabangsa langsung tidak dapat diwujudkan. Ini disebabkan kapal-kapal perang Amerika sentiasa mengawasi dan mengebom kargo-kargo Jepun. Wujudnya keadaan ini menyebabkan Sandakan menjadi wilayah terpencil dan tidak mempunyai hubungan dengan dunia luar. Dengan berlakunya keadaan sedemikian, aktiviti ekonomi hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan dan golongan pemerintah yang terasing. Secara bandingan keadaan ini lebih buruk lagi daripada zaman pemerintahan Kesultanan Sulu.

Sistem ekonomi paksaan yang dikuatkuasakan oleh tentera Jepun bertentangan dengan tujuan dan cara hidup golongan pemodal. Oleh kerana takutkan kerahan tenaga dan kezaliman tentera Jepun golongan pemodal telah melarikan diri ke hutan tanah tinggi dan menyertai kumpulan gerakan anti Jepun. Di sini memperlihatkan hubungan di antara pemerintah dan golongan pemodal tidak sehaluan malahan bertentangan. Keadaan ini amat berbeza dengan pemerintahan berpiagam oleh BNBCC di mana golongan pemerintah sentiasa memberi ruang dan galakkkan kepada golongan pemodal dalam membangun dan mengembangkan ekonomi.

Ketiadaan golongan pemodal memberi kesan negatif kepada perkembangan ekonomi Sandakan. Dalam sektor perikanan, tiadanya golongan pemodal bermakna nelayan hilang punca kredit dan tempat memasarkan hasil tangkapan. Keadaan yang serba kekurangan akibat dari corak pemerintahan yang baru ini menyebabkan kegiatan perikanan di

Sandakan diusahakan secara saradiri sahaja. Teknologi menangkap ikan dibina mengikut kesesuaian dengan ketiadaan bahan binaan, dan kembali semula seperti keadaan zaman pemerintahan Kesultanan Sulu yang berasaskan kepada bahan tempatan dan tenaga manusia. Oleh kerana tahap teknologi rendah, maka lebihan yang dihasilkan amat terbatas. Lebihan yang dihasilkan oleh nelayan tempatan tidak dipasarkan tetapi dijadikan barang tukaran bagi memenuhi keperluan harian mereka. Di pihak pemerintah pula, untuk mendapatkan lebihan sistem kerahan tenaga dilaksanakan. Lebihan diperlukan bukan untuk pasaran tetapi bagi menampung keperluan tenaga pemerintah.

Bagaimanapun corak pemerintahan ketenteraan tersebut tidak berjalan lama. Selepas Tentera Bersekutu berjaya menawan semula Sandakan pada tahun 1945, pemerintahan di atas secara berperingkat telah digantikan dengan pemerintahan bercorak koloni oleh kerajaan Inggeris. Di sini sekali lagi Sandakan mengalami perubahan corak pemerintahan. Sebaik sahaja Sandakan ditadbir semula oleh kerajaan Inggeris, ekonomi kapitalis yang lumpuh dihidupkan semula termasuk sektor perikanan. Perkembangan perusahaan perikanan selepas Perang Dunia Kedua, lebih ditentukan oleh gandingan peranan yang dimainkan oleh pihak pemerintah Inggeris dan golongan pemodal Cina. Pemerintah Inggeris buat pertama kali telah terlibat secara langsung dalam merancang, menyediakan peruntukan, menerapkan teknologi dan lain-lain bentuk campur tangan dalam sektor perikanan di Sandakan. Keadaan ini amat berbeza dengan dasar dan corak pentadbiran BNBCC pada tahun 1881-1941, di mana pemerintah tidak campur tangan

secara langsung tetapi berperanan sebagai "pengurus koperat" sahaja. Pihak kerajaan Inggeris di bawah British Military Administration telah membantu memulihkan industri perikanan selepas perang, dengan cara membekalkan bahan asas untuk membina perahu dan peralatan menangkap ikan yang terdiri daripada barang keluaran kilang dari United Kingdom.

Tindakan tersebut dilakukan kerana dengan berbuat demikian, kerajaan Inggeris dapat meraih kepercayaan penduduk Sandakan khasnya dan Borneo Utara amnya buat kali kedua. Selain daripada mendapat pendapatan dari cukai eksport, perlesenan, permit dan royalti hasil perikanan, kerajaan Inggeris membangunkan perusahaan perikanan bagi memastikan bekalan sumber protein tempatan mencukupi, supaya penduduk yang bekerja di lain-lain sektor ekonomi, khususnya sektor perladangan tidak beralih kepada sektor perikanan.

Semasa pentadbiran Crown Colony, kerajaan telah memainkan peranan dalam meningkatkan pendaratan hasil perikanan dengan membawa masuk teknologi dari luar Sandakan, seperti enjin bot dan bahan-bahan sintetik. Bahan-bahan ini berjaya membawa perubahan dalam teknologi menangkap ikan tempatan dan seterusnya meningkatkan pendaratan dan kuantiti eksport hasil perikanan. Dalam hal ini pihak kerajaan hanya memainkan peranan "memperkenal" dan "menggalakkan" penggunaan penggunaan bahan-bahan baharu tersebut.

Segala bentuk perubahan yang diwujudkan oleh pentadbiran Crown Colony, memberi erti adanya peluang untuk mencipta keuntungan kepada golongan pemodal. Dengan yang demikian sekali lagi golongan

pemodal telah menguruskan modal, teknologi dan buruh mereka ke arah perubahan tersebut demi memenuhi permintaan pasaran yang baru. Semasa pentadbiran Crown Colony, walaupun mempunyai sebab-sebab tersendiri, pihak pemerintah seolah-olah berganding bahu dengan golongan pemodal dalam menjayakan ekonomi kapitalis di Sandakan.

Kerajaan Inggeris memberi laluan kepada pemodal-pemodal Cina untuk menjadi pembekal dan menguasai kaum nelayan dengan cara menyediakan input perikanan seperti bahan-bahan untuk membina perkakas, perahu, minyak diesel, alat ganti dan perkhidmatan baik pulih. Melalui amalan “sistem tauke”, teknologi baru dapat digunakan oleh kaum nelayan, khususnya nelayan pribumi. Di sini memperlihatkan demi untuk meningkatkan keluaran pihak pemerintah telah berusaha mengubah teknologi pengeluaran sebelum ini kepada teknologi pengeluaran yang lebih bergantung kepada keluaran kilang. Seiring dengan itu oleh kerana golongan pemodal berperanan sebagai pembekal keperluan perikanan, maka pergantungan nelayan kepada mereka begitu jelas sekali di tahap ini.

Untuk meninggikan pendaratan ikan, selain daripada mengubah teknologi perikanan tempatan, kerajaan Inggeris telah mengamalkan dasar terbuka, benar dan menggalakkan kemasukan pemodal-pemodal asing. Pemodal asing masuk dengan teknologi yang lebih canggih seperti pukat tunda dan pukat jerut, yang berintensifkan modal. Teknologi yang dibawa oleh pemodal asing ini hanya mampu diserap oleh pemodal-pemodal tempatan iaitu tauke-tauke ikan Cina, kerana mereka menggunakan asas yang sama iaitu intensif modal.

Oleh kerana pukat jerut dan pukat tunda bermodal besar dan berkesan dalam menghasilkan lebihan yang lumayan, maka "sistem tauke" yang diamalkan selama ini tidak dipraktikkan pada kedua perkakas tersebut. Dalam pada itu amalan "sistem panggu" juga tidak diamalkan dalam operasi kedua kaedah di atas. Tenaga nelayan yang terlibat dalam operasi pukat tunda dan pukat jerut tidak dibayar mengikut bahagian pendapatan tetapi dibayar mengikut gaji harian atau bulanan. Di sini memperlihatkan dalam teknologi yang baru, tenaga nelayan tidak sepenting dahulu. Ringkasnya kedua perkakas di atas dikuasai sepenuhnya oleh golongan pemodal dan nelayan pribumi yang rata-ratanya miskin tidak dapat memiliki kedua teknologi canggih tersebut. Keadaan nelayan pribumi di masa ini bertambah buruk lagi kerana mereka perlu bersaing dengan golongan pemodal untuk mendapatkan sumber perikanan di perairan Sandakan.

Teknologi baru yang dibawa oleh golongan pemodal asing bertepatan dengan sumber laut yang diperlukan oleh pasaran antarabangsa semasa, iaitu udang. Udang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran Hong Kong, Singapura dan Jepun. Dengan beroperasi di perairan Sandakan, golongan pemodal boleh mendapat sumber itu dengan mudah kerana tiada persaingan daripada mana-mana pihak. Di sini terbukti jelas akan hubungan di antara pasaran antarabangsa dengan teknologi perikanan, yang biasanya diketahui lebih awal oleh golongan pemodal.

Di tinjau dari segi ruang, semasa pemerintahan Crown Colony terdapat dua pola yang jelas dalam sektor perikanan. Pertama, teknologi menangkap ikan yang berintensifkan modal dan melibatkan input perikanan

seperti minyak, air batu dan sebagainya berpusat di bandar-bandar pelabuhan seperti Sandakan. Teknologi ini dikuasai oleh golongan pemodal sepenuhnya dan usaha perikanan yang dijalankan lebih mementingkan pasaran eksport. Kedua, teknologi yang hanya melibatkan modal yang kecil dan tidak begitu melibatkan input perikanan terdapat berselerak di kawasan pesisiran pantai luar bandar Sandakan. Teknologi ini umumnya diusahakan oleh nelayan pribumi, dimana urusan pemasaran hasil perikanan dikuasai oleh golongan pemodal yang menumpukan perhatian kepada pasaran ikan domestik.

Pada tahun 1963 negeri Sabah telah merdeka, kemudiannya dengan bergabung dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Singapura membentuk Malaysia. Dengan merdekanya negeri Sabah sekali lagi berlaku perubahan dalam pentadbiran, dari sebuah negeri bercorak koloni kepada sebuah negeri yang merdeka. Sebagai sebuah negeri yang merdeka yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, tindak-tanduk dan corak pemerintahan negeri ditentukan oleh kuasa politik yang memerintah. Oleh kerana kuasa politik ditentukan oleh rakyat, maka corak dan program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan adalah untuk memenuhi aspirasi sebahagian besar rakyat tempatan. Ini berbeza dengan pemerintahan Crown Colony di mana corak pemerintahan dan program pembangunan ditentukan oleh Colonial Office di London bagi memenuhi keperluan penjajah.

Untuk membolehkan kerajaan memenuhi aspirasi rakyat secara menyeluruh selain daripada jabatan, beberapa buah agensi kerajaan telah ditubuhkan. Pentadbiran melalui agensi kerajaan ini tidak pernah wujud sebelum ini. Dengan adanya agensi yang ditubuhkan, kerajaan bukan sahaja

boleh campur tangan malah boleh turut serta dalam proses pembangunan, khususnya dalam program-program pembangunan yang memerlukan belanjawan yang besar. Dalam sektor perikanan, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perikanan dan agensinya KO-NELAYAN telah campur tangan secara langsung dan bergiat aktif dalam bidang tersebut. Objektif kerajaan pada masa ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan membahagikan kekayaan negeri secara lebih adil.

Pihak kerajaan menganggap golongan nelayan merupakan salah satu golongan yang miskin dan perlu dibantu secara bersungguh-sungguh. Oleh kerana nelayan selama ini terbelenggu dengan sistem yang dibentuk oleh golongan pemodal, maka cara untuk melepaskan mereka daripada belenggu tersebut ialah kerajaan sendiri memainkan peranan yang selama ini dimonopoli oleh golongan pemodal. Dengan berlakunya demikian nelayan tempatan mempunyai pilihan untuk melepaskan diri dari gengaman golongan pemodal. Dengan bertindak sedemikian pihak kerajaan pada masa ini merupakan pesaing utama kepada golongan pemodal. Ini amat berbeza dengan pemerintahan Crown Colony, di mana pihak kerajaan pada masa itu bukan merupakan pesaing tetapi lebih merupakan penyokong kepada golongan pemodal. Di masa pemerintahan Crown colony, golongan pemodal diberi ruang yang seluas-luasnya untuk menguasai kaum nelayan dan seterusnya mencipta keuntungan. Soal kaum nelayan tertindas atau mundur bukan merupakan persoalan kerajaan pada masa itu.

Untuk membantu golongan nelayan, pihak kerajaan telah terlibat dalam merencana dan melaksanakan program pembangunan perikanan

dari peringkat pengeluaran, pendaratan dan seterusnya hingga ke peringkat pemasaran. Program-program yang dilaksanakan samada mengikut perancangan Kerajaan Negeri atau pun program nasional yang dirancang oleh Kerajaan Pusat. Di peringkat pengeluaran, kerajaan membantu nelayan memodenkan kaedah penangkapan ikan dengan menyediakan bot perikanan, enjin bot dan peralatan menangkap ikan yang dibina daripada bahan-bahan sintetik. Semasa pemerintahan Crown Colony, pihak kerajaan hanya memperkenalkan teknologi moden ini sahaja dan tidak terlibat dalam membekalkannya. Kerajaan masa kini dengan belanjawan yang besar, pada peringkat awal telah memberikan peralatan-peralatan perikanan secara percuma kepada nelayan, dan peringkat seterusnya peralatan-peralatan tersebut diberikan melalui skim subsidi dan pinjaman mudah.

Pukat tunda merupakan kaedah yang paling canggih untuk mendaratkan sumber udang secara besar-besaran. Kaedah tersebut telah terbukti akan keberkesanannya dan telah mendorong golongan pemodal untuk membuat pelaburan dalam perusahaan pukat tunda tersebut. Nelayan-nelayan tempatan tidak dapat menggunakan kaedah pukat tunda tersebut kerana kaedah ini berintensifkan modal yang mana tidak mampu diadakan oleh kaum nelayan, kecuali mendapat bantuan daripada pihak kerajaan.